

**GARIS PANDUAN KEBENARAN BEROPERASI
SERTA PERGERAKAN KAKITANGAN BAGI
SEKTOR POS DAN KURIER DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**



2021

**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA**

GARISPANDUAN KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN KAKITANGAN BAGI SEKTOR POS DAN KURIER DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PENGENALAN

1. Perkhidmatan komunikasi (yang merangkumi pos dan perkhidmatan kurier) dan e-dagang tersenarai sebagai perkhidmatan perlu (*essential service*) yang boleh diteruskan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tersebut.
2. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mentadbir dan mengawalselia perkhidmatan pos dan kurier selari dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012.

OBJEKTIF

3. Garis Panduan Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Kakitangan Bagi Sektor Pos Dan Kurier ini diterbitkan untuk memberi panduan dan rujukan kepada setiap pemegang lesen perkhidmatan pos dan kurier di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 mengenai skop pengendalian operasi, prosedur waktu bekerja bagi setiap kakitangan, langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil semasa menjalankan perkhidmatan dan kaedah memohon pengesahan beroperasi dalam tempoh PKP.

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN POS DAN KURIER

Skop kerja dan operasi yang dibenarkan

4. Skop kerja, waktu beroperasi dan jumlah kakitangan yang dibenarkan berkhidmat pada satu-satu masa/hari bagi skop kerja yang akan dijalankan adalah seperti di **Jadual 1** dibawah:

Jadual 1 – Waktu operasi dan kapasiti yang dibenarkan

| BIL. | SKOP KERJA DAN OPERASI | WAKTU OPERASI | KAPASITI |
|-------------|---|-------------------------|--|
| 1. | Perkhidmatan penghantaran akhir ke alamat penerima | 8.00 pagi - 8.00 malam. | 100% |
| 2. | Penyisihan item pos dan kurier di hub dan depot operasi | 24 jam | 60% |
| 3. | Penghantaran item pos dan kurier melalui lori lebih 2 tan (line haul) | 24 jam | Maksimum 2 orang bagi setiap destinasi |
| 4. | Perkhidmatan kaunter | 8.00 pagi – 8.00 malam | 60% atau minima 2 orang |
| 5. | Perkhidmatan am dan sokongan (penyelenggaraan, perkhidmatan pelanggan, pusat panggilan) | Biasa atau 24 jam | 60% |

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN SEMASA BEROPERASI

5. Semua langkah-langkah pencegahan di bawah adalah bertujuan untuk melindungi setiap pekerja, memelihara kebajikan serta keselamatan setiap pekerja dan pelanggan.

Tahap Sanitasi, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

- a) Setiap pemberi perkhidmatan pos dan kurier dikehendaki untuk menyediakan kod My Sejahtera, alat saringan suhu badan di pintu masuk pejabat/tempat kerja.
- b) Kakitangan yang mempunyai bacaan melebihi kadar tidak sihat (37.5°) adalah tidak dibenarkan memasuki premis dan menjadi tanggungjawab syarikat untuk merujuk kakitangan berkenaan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan/Klinik Panel.
- c) Mengimbas kod My Sejahtera setiap kali memasuki premis perniagaan bagi memastikan status adalah 'Low Risk' atau 'risiko rendah' di paparan My Sejahtera. Hanya kakitangan yang berstatus 'Low Risk No symptom'

atau 'Risiko rendah, tiada simptom' dibenarkan bekerja dan masuk ke dalam mana-mana premis atau bangunan.

- d) Mengamalkan amalan sanitasi kebersihan yang optimum pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan 'hand sanitizer'.
- e) Memakai penutup mulut dan hidung (mask) ketika menjalankan tugas.
- f) Mempraktikkan penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya satu (1) meter dari orang-orang lain di dalam persekitaran.

Langkah pencegahan COVID-19 di premis perniagaan

- a) Menyediakan bahan pencuci tangan (hand sanitizer) bagi kegunaan pelanggan dan memastikan pekerja kaunter sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (mask).
- b) Memaparkan garis panduan mengenai COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak KKM sebagai panduan kepada para pelanggan berhubung langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil.

Kaedah Penghantaran Selamat

- a) Memastikan agar prosedur penghantaran setiap barang pos semasa wabak COVID-19 dilakukan dengan kaedah selamat dengan menghadkan kontak (contactless delivery) bagi mengelakkan risiko jangkitan. Kaedah mengambil tandatangan pelanggan sebagai bukti penerimaan barang pos misalnya boleh digantikan dengan kaedah alternatif tanpa menjejaskan kualiti dan integriti perkhidmatan pos yang disediakan kepada pelanggan.
 - b) Menyediakan kaedah-kaedah penghantaran alternatif yang sewajarnya bagi menghadkan kontak di antara pekerja serahan dan pelanggan.
 - c) Sebarang perubahan proses penghantaran barang pos hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan secara berkesan.
6. Di samping itu, semua pemberi perkhidmatan pos dan kurier adalah dinasihatkan supaya sentiasa menyemak perkembangan terbaru dan sebarang nasihat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

7. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama **SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0)** yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan **“Prosedur Standard Operasi Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan”** yang dikeluarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
8. Kerajaan berhak untuk menarik balik kelulusan sekiranya melanggar garis panduan yang ditetapkan.
9. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2021** sehingga edisi baru dikeluarkan atau sehingga PKP diisytihar tamat oleh Kerajaan Malaysia.